

MINYAK ANGIN SAFE CARE® STRONG

Menthol (16% w/w), Camphor (11% w/w), Methyl Salicylate (4% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Minyak Angin Safe Care® Strong
2. Bagaimana Minyak Angin Safe Care® Strong berfungsi
3. Sebelum menggunakan Minyak Angin Safe Care® Strong
4. Cara menggunakan Minyak Angin Safe Care® Strong
5. Semasa menggunakan Minyak Angin Safe Care® Strong
6. Kesan – kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Minyak Angin Safe Care® Strong
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Minyak Angin Safe Care® Strong

Untuk melegakan sakit otot & sendi, gejala sejuk, sakit kepala, dan kegatalan.

Bagaimana Minyak Angin Safe Care® Strong berfungsi

Ubat ini mengandungi mentol, *camphor*, dan metil salisilat yang membantu melegakan kesakitan. *Camphor* merangsang peredaran darah, mengurangkan kegatalan dan memberikan sensasi hangat pada kulit. Mentol memberikan sensasi sejuk, membantu mengurangkan kesakitan serta mempercepatkan penyerapan ke dalam kulit. Metil salisilat membantu meningkatkan aliran darah ke otot dan sendi, sekali gus mengurangkan keradangan, kekakuan dan kesakitan.

Sebelum menggunakan Minyak Angin Safe Care® Strong

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan ambil ubat ini jika: anda mempunyai alahan terhadap mentol, *camphor*, metil salisilat atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut). Ubat ini tidak sesuai untuk bayi di bawah umur 2 tahun dan perhatian perlu diberikan kepada kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas apabila menggunakannya. Sapu ubat yang mengandungi *camphor* pada hidung kanak-kanak adalah merbahaya kerana boleh menyebabkan pengsan. Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

- *Sebelum menggunakannya*
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Minyak Angin Safe Care® Strong. Tidak boleh sapu pada bahagian mata, permukaan mukus, luka terbuka atau kulit yang rosak.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
Maklumkan kepada ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil.

Cara menggunakan Minyak Angin Safe Care® Strong

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada ahli farmasi.

- *Berapa banyak yang harus digunakan*
Disapu pada bahagian berkenaan secukupnya seperti yang diperlukan.

- *Bila perlu digunakan*
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- *Berapa lama perlu digunakan*
Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika anda terlupa menggunakan*
Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan.

Semasa menggunakan Minyak Angin Safe Care® Strong

- *Perkara yang perlu dilakukan*
Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sedang ambil.

Pada mulanya sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memerhati sama ada ketidakselesaan atau gatal berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang lebih besar. Jika iritasi kulit berlaku, sila berhenti menggunakannya.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Minyak Angin Safe Care® Strong dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga Anda mengetahui tentang kesan Minyak Angin Safe Care® Strong terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Minyak Angin Safe Care® Strong boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua

orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah iritasi kulit, kemerahan, bengkak, rasa pedih berlaku. Reaksi buruk jarang berlaku, simptom pening, loya boleh berlaku.

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan teruk atau reaksi alahan. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Minyak Angin Safe Care® Strong

- *Penyimpanan*
Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput.

- *Pelupusan*
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*
Cecair berwarna kuning pucat hingga kuning, dengan ciri bau pudina dan citrus.

- *Bahan-bahan kandungan*
Bahan aktif: mentol, *camphor*, metil salisilat
Bahan tidak aktif: minyak pati, minyak mineral putih

- *Nombor MAL*
MAL25086032X

Pengilang

PT Surabaya Indah Permai
Jl Kalibader Selatan No. 11 & 14,
Kelurahan Kalijaten, Kec. Taman, Kab. Sidoarjo, Provinsi Jawa Timur, 61257 Indonesia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Kara Marketing (M) Sdn Bhd
(199901013983) No. 19, Jalan TPP 1/1A,
Taman Industri Puchong, Jalan Puchong,
47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP:

09/04/2026

Nombor Siri NPRA (RA2) 25/070